

***AL-MAFQUD* DAN TRAGEDI MH370: SATU SOROTAN TERHADAP IMPLIKASI TRAGEDI DARI SUDUT PERLINDUNGAN TAKAFUL**

**(*Al-Mafqud and MH370 Tragedy:
Implication of the Tragedy
from the Perspective of Takaful Coverage*)**

Mohamed Hadi Abd. Hamid
mhadi.ah@etiqa.com.my

Ketua Jabatan Penyelidikan dan Nasihat Syariah,
Etiqa Takaful Berhad,
Divisyen Syariah, Aras 11, Menara B, Dataran Maybank,
No. 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, Malaysia.

Abstrak

Tragedi kehilangan pesawat MH370 milik Sistem Penerbangan Malaysia yang dalam penerbangan dari Kuala Lumpur ke Beijing pada 8 Mac 2014 menjadi isu global yang menarik minat pelbagai lapisan masyarakat. Kehilangan yang masih lagi menjadi misteri sehingga hari ini membuka lembaran baharu dalam menilai status *al-mafqud* di sisi undang-undang syariah. Kehilangan para penumpang dan anak kapal meletakkan institusi kewangan Islam, khususnya para pengendali takaful dalam keadaan yang sukar kerana urusan pembayaran manfaat takaful kepada waris *al-mafqud* berdepan dengan masalah tidak ada bukti kukuh untuk mensabitkan kematian para penumpang dan anak kapal MH370. Para pengendali takaful perlu mendapatkan pandangan Jawatankuasa Syariah masing-masing untuk menentukan sama ada tuntutan manfaat takaful masih perlu dibayar dan jika perlu dibayar, dana manakah yang patut membayarnya, sama ada dana para pemegang saham pengendali takaful atau dana risiko peserta (dana tabaruk). Makalah ini menyorot secara ringkas aplikasi *fiqh al-mafqud* dalam tragedi MH370 dan implikasinya terhadap industri takaful.

Kata Kunci: *al-mafqud*, orang hilang, anggapan kematian, MH370, Majlis Fatwa Kebangsaan

Abstract

The tragedy of flight MH370 belonging to Malaysia Airlines (MAS) that went missing on 8 March 2014 en route from Kuala Lumpur to Beijing has become a global issue, gaining attention all over the world. The mystery of the still-

missing plane has opened a new chapter in assessing the status of al-mafqud (missing person) under shariah law. The disappearance of the passengers and crew members on board has placed Islamic financial institutions, especially takaful operators, in a difficult position with respect to meeting the claims of the heirs if the al-mafqud due to inavailability of evidence to confirm the death of the passengers and crew members of MH370. Takaful operators have to seek the views from their respective Shariah committees in order to determine whether the takaful benefits should be paid or not, and if these are to be paid, which fund should be used pay them: the takaful operators' shareholders' fund or the participants' risk fund (tabaruk fund). This paper highlights the basic applications of fiqh al-mafqud in connection with the MH370 tragedy, as well as its implications for the takaful industry.

Keyword: al-mafqud, missing person, presumption of death, MH370, National Fatwa Council

PENDAHULUAN

Al-mafqud merujuk seseorang yang hilang daripada tempat asalnya dalam tempoh yang lama sehingga terputus berita mengenainya dan tidak diketahui sama ada masih hidup ataupun sudah meninggal dunia. Makalah khusus berkaitan dengan *al-mafqud* dan isu perundangan berkaitan dengannya telah pun dikemukakan oleh penulis dalam makalah terdahulu.¹

Jika diimbaz kembali kepada penulisan terdahulu, tempoh untuk membentuk anggapan kematian *al-mafqud* berbeza mengikut peruntukan undang-undang sivil dan syariah dan mewujudkan dua senario yang berlainan. Senario pertama adalah dengan melalui peruntukan perundangan sivil di bawah seksyen 108 Akta Keterangan 1950 (Akta 56). Di bawah peruntukan perundangan sivil, mahkamah sivil boleh mengisytiharkan kematian *al-mafqud* sekiranya tidak ada apa-apa khabar yang didengar mengenai *al-mafqud* selama tujuh (7) tahun dan ketiadaan khabar itu mestilah dialami oleh orang yang sepatutnya mendengar khabar mengenainya jika dia masih hidup.

Senario kedua adalah melalui peruntukan perundangan syariah. Sebagai contoh, seksyen 86 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 561) memperuntukkan bahawa mahkamah syariah boleh mengisytiharkan kematian *al-mafqud* sekiranya tiada khabar yang didengar mengenai *al-mafqud* selama empat (4) tahun. Ketidadaan khabar

¹ Sila rujuk Mohamed Hadi Abd. Hamid, "Anggapan Kematian *al-Mafqud* menurut Undang-Undang Sivil dan Syariah: Satu Penilaian Semasa" dlm. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia* 26:1, 2014.

itu pula mestilah dialami oleh orang yang sepatutnya mendengar khabar mengenainya jika dia masih hidup.

Perkara yang membezakan antara peruntukan perundangan sivil dengan perundangan syariah hanyalah tempoh yang perlu ditunggu oleh waris untuk membentuk anggapan bahawa *al-mafqud* telah pun mati – undang-undang sivil memperuntukkan tempoh tujuh (7) tahun, manakala undang-undang syariah pula selama empat (4) tahun.

TRAGEDI MH370

Isu *al-mafqud* menjadi sebutan ramai apabila berlaku tragedi yang melibatkan pesawat milik Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), iaitu MH370 yang hilang bersama-sama 239 penumpang dan anak kapal ketika dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Beijing pada 8 Mac 2014. Sehingga ke saat ini usaha pencarian masih lagi diteruskan dan belum menemui apa-apa petunjuk yang meyakinkan, meskipun pihak Kerajaan Malaysia pada 24 Mac 2014 mengumumkan bahawa penerbangan pesawat MH370 yang malang itu berakhir di selatan Lautan Hindi.² Selepas pengumuman yang mendukacitakan itu, Majlis Fatwa Kebangsaan (MFK)³ pada 25 Mac 2014 mengeluarkan fatwa khas berkenaan tragedi MH370.⁴

Pada November 2014, MFK memberikan pandangan bahawa kedudukan MH370 masih belum boleh dimuktamadkan dan MFK menyerahkan sepenuhnya kepada Kerajaan Malaysia untuk menentukan status pesawat tersebut.⁵ Selepas 327 hari pesawat malang tersebut hilang, akhirnya pada 29 Januari 2015 Kerajaan Malaysia mengisytiharkan bahawa semua 239 penumpang dan anak kapal MH370 yang hilang terkorban. Tragedi ini disahkan sebagai kemalangan mengikut Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa.⁶

2 Pada 6 Ogos 2015, Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Najib Razak mengumumkan bahawa flaperon yang dijumpai di Pulau Reunion pada akhir Julai 2015 ialah milik pesawat MH370. Penemuan ini disahkan oleh Pasukan Penyiasat Malaysia, agensi penyiasat Perancis Bureau d' Enquetes et d' Analyses pour la Securites de l' Aviation Civile (BEA), wakil teknikal dari China dan Biro Keselamatan Pengangkutan Australia (ATSB) di Toulouse, Perancis. <http://www.malaysiaairlines.com/mh370>. (Diakses pada 27 Oktober 2015).

3 Nama rasmi bagi MFK ialah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. <http://www.e-fatwa.gov.my/jawatankuasa-fatwa-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-ugama-islam-malaysia>. (Diakses pada 11 Disember 2014).

4 Tragedi MH370. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/tragedi-mh370>. (Diakses pada 3 Jun 2014).

5 Kerajaan Belum Muktamadkan Status MH370 - Majlis Fatwa Kebangsaan. <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2014/11/19/status-mh370/>. (Diakses pada 20 November 2014).

6 "Kemungkinan penumpang, kru pesawat terselamat tipis" dlm. *Berita Harian*, 30 Januari 2015, hlm. 4.

FATWA SEMASA MENGENAI ISU *AL-MAFQUD*

Selain peruntukan perundangan negara⁷, pembentukan anggapan kematian *al-mafqud* juga mengambil kira fatwa yang dikeluarkan oleh MFK. Sehingga kini, terdapat dua fatwa yang dikeluarkan oleh MFK mengenai isu *al-mafqud*. Selepas pengisytiharan kematian para penumpang dan kru MH370 oleh Kerajaan Malaysia, Mufti Wilayah Persekutuan pada 31 Januari 2015 mengeluarkan satu kenyataan khas mengenai penjelasan hukum terhadap mangsa MH370⁸.

Fatwa MFK yang pertama adalah berkenaan dengan tragedi rempuhan para jemaah haji di Terowong al-Muassim⁹. Tragedi yang berlaku pada musim haji tahun 1990 menyebabkan 19 orang jemaah haji Malaysia hilang di dalam terowong tersebut. Muzakarah MFK memutuskan bahawa jemaah haji Malaysia yang hilang dianggap sebagai mati *mafqud* atas alasan berikut:

1. Telah habis usaha mencari mereka.
2. Tidak ada bukti atau sangkaan bahawa mereka masih hidup dan bersembunyi di mana-mana tempat di Arab Saudi atau keluar dari negara itu ke sebuah negara lain dan bersembunyi di sana.
3. Bahawa mereka itu bukan orang yang mencari peluang untuk melarikan diri dari negara ini (Malaysia).

Fatwa kedua pula dikeluarkan berkenaan dengan peristiwa tragedi kehilangan pesawat Malaysia Airlines MH370 seperti yang disebutkan pada awal makalah ini.

Berkenaan dengan isu kehilangan pesawat MH370, Muzakarah MFK berpendapat bahawa berdasarkan pendapat Ibn Qudamah dalamnya kitabnya *Al-Mughni, al-mafqud* boleh dibahagikan kepada dua bahagian dan hukum kedua-duanya adalah berbeza. Pertama, *mafqud* yang secara zahir dan kebarangkalian kuatnya dianggap terkorban, seperti orang yang hilang dalam suatu bencana. Kedua, *mafqud* yang secara zahir masih hidup, contohnya

7 Mohamed Hadi Abd. Hamid, "Anggapan Kematian *al-Mafqud* menurut Undang-undang Sivill dan Syariah: Satu Penilaian Semasa" dlm. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia* 26:1, 2014, hlm. 29–34.

8 Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2015. "Isu Khas: Penjelasan Hukum terhadap Mangsa MH370" dlm. *Bayan Linnes Ke-11* (Siri Khas). http://www.muftiwp.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=204. (Diakses pada 15 Mac 2015).

9 "Tragedi Terowong al-Muassim". <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/tragedi-terowong-al-muassim-arab-saudi>. (Diakses pada 3 Jun 2014).

seseorang yang keluar dari rumahnya untuk berniaga atau melancong tetapi tidak kembali pulang ke rumahnya.

Muzakarah seterusnya berpandangan bahawa dalam kes pesawat MH370 yang berakhir dalam lautan yang amat luas dan dalam, mayat dan bangkai pesawat menghadapi kesukaran untuk ditemui, dan pandangan pakar mengatakan bahawa kelangsungan hidup manusia untuk hidup adalah tipis, maka kes ini bolehlah dikategorikan sebagai *mafqud* yang secara zahir dan kebarangkalian kuatnya dianggap telah terkorban. Hal ini bermakna MFK cenderung untuk bersetuju bahawa para penumpang dan anak kapal pesawat MH370 sudah boleh dianggap meninggal dunia.

Muzakarah MFK juga menyentuh mengenai tempoh untuk membentuk anggapan kematian *al-mafqud* yang tidak ditetapkan dalam dalil al-Quran dan sunah. Malahan, para sahabat Rasulullah SAW dan ulama juga tidak mempunyai kata sepakat dalam menentukan tempoh ini. Memandangkan ketiadaan nas yang jelas daripada al-Quran dan sunah berkenaan tempoh ini serta perbezaan yang ketara dari segi *uruf* dan masa yang perlu diambil kira dalam penentuan tempoh *mafqud* tersebut, Muzakarah MFK memutuskan bahawa keperluan menetapkan tempoh *mafqud* tertakluk pada pertimbangan *ulil amri*, iaitu dalam konteks semasa ialah Kerajaan Malaysia.

Mengambil kira pertimbangan *ulil amri* dalam kes tersebut, Muzakarah MFK membuat keputusan bahawa untuk menentukan keadaan *mafqud* bagi mangsa MH370 tidak memerlukan kadar tempoh tertentu kerana telah melalui tempoh masa yang munasabah. Tambahan pula, segala usaha pencarian telah menggunakan pelbagai aset dan alat komunikasi yang berteknologi tinggi dan *qarinah* (petunjuk) yang boleh diambil kira sebelum dan selepas pengumuman kerajaan bahawa MH370 berakhir di tengah-tengah Lautan Hindi.

Sungguhpun Muzakarah MFK mengkategorikan *mafqud* dalam kes MH370 sebagai *mafqud* yang secara zahir dan kebarangkalian kuatnya dianggap terkorban, Muzakarah MFK juga menegaskan bahawa bagi menyelesaikan masalah yang bersangkutan paut dengan pengagihan harta pusaka, pembubaran status perkahwinan mangsa, atau hukum-hukum lain yang bersangkutan dengan tragedi ini, pihak berkuasa berkaitan hendaklah dirujuk berasaskan peruntukan undang-undang yang ditetapkan setelah pengesahan atau pensabitian kematian diputuskan oleh mahkamah.

Setelah Kerajaan Malaysia mengisytiharkan semua penumpang dan kru MH370 terkorban, Mufti Wilayah Persekutuan, Sahibus Samahah Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri mengeluarkan satu kenyataan khas

mengenai penjelasan hukum terhadap mangsa MH370. Mufti Wilayah Persekutuan berpandangan bahawa pengisytiharan kematian oleh kerajaan Malaysia dianggap sebagai penyelesaian dan mengangkat sebarang khilaf yang berlaku, sesuai dengan kaedah fiqh yang bermaksud, “Keputusan hakim (pemerintah) mengangkat khilaf.” Berkenaan dengan hak pewarisan dan status perkahwinan bagi mangsa MH370 yang beragama Islam, Mufti Wilayah Persekutuan berpandangan bahawa isu tersebut hendaklah diputuskan sebagaimana yang ditentukan oleh mahkamah syariah.

Secara makronya, fatwa MFK mengenai tragedi MH370 bersifat umum dan pada dasarnya menyerahkan kepada pihak yang berautoriti untuk menentukan status *al-mafqud*. Contohnya, mahkamah syariah bagi menentukan status perkahwinan *al-mafqud* dan pensabitan kematian *al-mafqud*. Fatwa MFK juga tidak menjelaskan secara khusus apakah yang harus dilakukan sekiranya para penumpang dan anak kapal MH370 telah menyertai skim takaful dan apakah yang perlu dilakukan oleh para pengendali takaful, jika waris *al-mafqud* menuntut manfaat takaful disebabkan kehilangan *al-mafqud*.

Pengisytiharan Hilang (*Mafqud*) menurut Konvensyen Penerbangan Awam Antarabangsa (Convention on International Civil Aviation “Chicago Convention”)

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, tragedi MH370 disahkan sebagai kemalangan oleh kerajaan Malaysia selaras dengan perundangan penerbangan awam antarabangsa yang ditetapkan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO)¹⁰ Merujuk Bab 1 Lampiran 13 Konvensyen Penerbangan Awam Antarabangsa, definisi bagi perkataan “kemalangan” termasuklah “pesawat yang hilang”. Konvensyen tersebut juga menyebut bahawa “pesawat dianggap hilang apabila operasi pencarian rasmi ditamatkan dan pesawat tersebut masih dalam keadaan tidak dijumpai.”

Setelah mengambil kira usaha pencarian yang dilaksanakan dan berdasarkan peruntukan undang-undang penerbangan sedia ada, kerajaan Malaysia mengisytiharkan tragedi kehilangan pesawat MH370 sebagai satu kemalangan, dan semua 239 penumpang dan anak kapal secara rasminya dianggap terkorban.

10 Announcement on MH370 by Director General, Department of Civil Aviation Malaysia, www.dca.gov.my/MH370/Announcement%20of%20MH370.pdf. (Diakses pada 11 Mac 2015).

Tragedi MH370 dan Impaknya terhadap Industri Takaful

Menurut laporan daripada Persatuan Insurans Hayat (*Life Insurance Association of Malaysia (LIAM)*), syarikat insurans hayat di Malaysia bersetuju untuk memberikan keutamaan yang khusus dalam memudahkan dan menyegerakan bayaran tuntutan ahli keluarga mangsa MH370. Mereka boleh membuat tuntutan insurans hayat tanpa perlu menunggu sijil kematian yang kebiasaannya menjadi syarat dan perlu disertakan dalam menfailkan tuntutan sebagai bukti.¹¹

Sejajar dengan inisiatif yang diambil oleh industri insurans, industri takaful juga turut berusaha untuk mengambil inisiatif yang sama dengan tujuan mengurangkan beban ahli keluarga para *mafqud*. Namun demikian, terdapat perbezaan yang amat ketara antara industri insurans dengan takaful dari segi pembayaran manfaat dan perbezaan ini boleh memberikan impak kepada kesegeraan pembayaran manfaat daripada para pengendali takaful.

Perbezaan yang paling ketara ialah syarikat penanggung insurans boleh terus melakukan pembayaran manfaat insurans tanpa khuatir menggunakan dana wang insurans, memandangkan wang insurans yang dibayar oleh pemegang polisi secara automatiknya menjadi kepunyaan syarikat insurans. Hal ini berbeza daripada industri takaful yang menguruskan dana tabaruk¹² yang menjadi hak milik para peserta takaful.

Oleh itu, bagi pihak Persatuan Takaful Malaysia (*Malaysian Takaful Association (MTA)*), terdapat isu berbangkit berkaitan dengan pembayaran tuntutan yang berbeza akibat perbezaan tafsiran mengenai pengertian *al-mafqud*. Akibat tafsiran yang kurang jelas mengenai *al-mafqud* sama ada masih boleh dianggap hidup atau telah meninggal dunia, maka timbul persoalan adakah manfaat takaful boleh dibayar kepada para waris mangsa tragedi MH370? Jika jawapannya ialah ya, dana apakah yang perlu digunakan untuk membayar manfaat takaful itu, sama ada dana tabaruk atau dana para pemegang saham pengendali takaful? Hal ini demikian kerana jika dana tabaruk digunakan untuk membayar manfaat takaful bagi peserta yang hilang, peserta itu belum lagi disahkan meninggal dunia. Para peserta takaful pula, berdasarkan kontrak takaful yang disertai dengan pengendali takaful tidak membenarkan pembayaran manfaat takaful dibuat

11 "MH370: Syarikat Insurans Hayat Malaysia Pampasan Lebih RM14 Juta kepada Waris". <http://web10.bernama.com/mh370/index.php?lang=my&sid=newsdetail&id=1036852>. (Diakses pada 25 November 2014).

12 Dana tabaruk atau dikenali juga sebagai dana risiko merujuk dana yang mengumpulkan keseluruhan sumbangan yang dicarum oleh para peserta takaful untuk sesuatu produk. Dana tabaruk ialah milik para peserta takaful dan diuruskan oleh pengendali takaful berasaskan konsep wakalah (wakil), iaitu pengendali takaful berhak mengenakan caj atau fi wakalah kepada para peserta takaful untuk tujuan pengurusan dana tabaruk.

kepada peserta yang masih belum disahkan meninggal dunia. Sekiranya pembayaran dilakukan juga menggunakan dana tabaruk, besar kemungkinan pengendali takaful memungkiri kontrak takaful kerana melakukan pembayaran manfaat takaful untuk kes yang tidak pernah dipersetujui oleh para peserta takaful. Jika bayaran manfaat takaful dibuat menggunakan dana para pemegang saham pengendali takaful, timbul pula persoalan, adakah menjadi tanggungjawab para pemegang saham pengendali takaful untuk membayar manfaat takaful bagi kes yang tidak disebut dalam kontrak takaful? Berdasarkan kontrak, para pemegang saham pengendali takaful tidak bertanggungjawab mengeluarkan dananya sendiri untuk membayar manfaat takaful bagi kes *al-mafqud* dalam tragedi MH370. Jika kedua-dua dana tidak bertanggungjawab untuk membayar manfaat takaful bagi kes *al-mafqud* dalam tragedi MH370, adakah ini bermakna para pengendali takaful tidak perlu membayar apa-apa kepada para waris mangsa tragedi MH370, sedangkan industri insurans pada satu pihak lagi bersikap proaktif untuk menyoergerakan pembayaran manfaat insurans? Persoalan inilah yang menimbulkan dilema dalam kalangan para pengendali takaful selepas berlakunya peristiwa kehilangan pesawat MH370.

Berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh MFK, Muzakarah MFK menyebut bahawa “Mengenai hukum-hukum lain yang bersangkutan daripada tragedi ini, Muzakarah menegaskan bahawa ia hendaklah dirujuk kepada pihak berkuasa berkaitan berasaskan peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan...”. Bagi industri kewangan Islam, adalah bersesuaian sekiranya Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan Jawatankuasa Syariah industri kewangan Islam mempunyai kata pemutus untuk menjawab persoalan berkenaan manfaat takaful bagi mangsa tragedi MH370 yang hilang.

Berdasarkan maklumat yang diterima, ahli MTA yang terdiri daripada para pengendali takaful bersetuju untuk membuat bayaran tuntutan. Secara umumnya, kesemua pengendali takaful yang mempunyai ahli yang terbabit dalam tragedi MH370 telah mendapatkan pandangan Jawatankuasa Syariah masing-masing mengenai isu *al-mafqud* ini. Berdasarkan resolusi Jawatankuasa Syariah, ahli MTA berbeza pendapat mengenai dana manakah yang patut digunakan untuk membayar manfaat takaful tersebut, sama ada dana tabaruk atau dana para pemegang saham pengendali takaful. Secara ringkasnya, perbezaan pendapat itu dapat dijelaskan seperti yang berikut:

1. Pembayaran daripada dana tabaruk.

2. Pembayaran daripada dana para pemegang saham pengendali takaful berasaskan dua konsep, iaitu:
 - (a) Asas Pinjaman (*Qard*).
 - (b) Asas Pemberian (*Hibah*).

RESOLUSI PEMBAYARAN TUNTUTAN DALAM KES *MAFQUD* MH370¹³

Seperti yang disebut sebelum ini, para pengendali takaful menerusi Jawatankuasa Syariah masing-masing berbeza pendapat mengenai kaedah pembayaran manfaat takaful kepada mangsa tragedi MH370. Perbezaan pendapat ini tidak berkaitan secara langsung dengan keluarga mangsa ataupun masyarakat kerana di mata umum, mereka tetap melihat manfaat takaful itu telah dibayar, tanpa mengetahui dana manakah yang digunakan untuk membayar manfaat takaful. Namun begitu, dari sudut syariah dan pengurusan tuntutan takaful, dana manakah yang terlibat mempunyai signifikannya yang tersendiri.

1. Pembayaran daripada Dana Tabaruk (Dana Risiko Peserta)

Resolusi pertama berpendapat bahawa bayaran manfaat boleh dibayar terus daripada dana tabaruk. Pembayaran daripada dana tabaruk melibatkan mangsa MH370 yang mengambil pelan takaful keluarga, serta beberapa kes lain seperti perlindungan takaful ke atas kad kredit dan pembiayaan perumahan. Seperti yang dinyatakan dalam kontrak takaful, bayaran manfaat bagi produk takaful keluarga lazimnya akan dilakukan apabila berlakunya kematian peserta takaful atau orang yang dilindungi; atau peserta atau orang yang dilindungi hilang upaya kekal dan menyeluruh. Para pengendali takaful yang memilih resolusi pertama ini (melalui keputusan Jawatankuasa Syariah masing-masing) mempunyai pelbagai justifikasi untuk menyokong tindakan mereka. Antara justifikasi yang dikemukakan adalah seperti yang berikut:

- (a) Isu syariah berkenaan status *mafqud* mangsa tragedi MH370 merupakan satu isu undang-undang dan mahkamah syariah sahaja

¹³ Oleh sebab maklumat terperinci yang melibatkan pembayaran tuntutan ini bersifat sulit, penulis hanya akan mengulas resolusi ini secara umum tanpa merujuk mana-mana pengendali takaful. Segala maklumat lanjut boleh dirujuk kepada sekretariat MTA.

yang mempunyai hak untuk mengisytiharkan kematian. Keputusan membayar manfaat takaful kepada waris penumpang MH370 bukanlah bermakna para pengendali takaful menganggap penumpang tersebut sudah meninggal dunia, tetapi bayaran itu perlu disegerakan demi manfaat waris penumpang yang tinggal.

- (b) Pembayaran tuntutan takaful berdasarkan pengumuman Perdana Menteri pada 24 Mac 2014 didapati sejajar dan menepati standard industri, tanpa memerlukan penyerahan sijil kematian bagi proses kelulusan tuntutan takaful. Ketiadaan sijil kematian boleh dianggap sebagai pengecualian yang dikira amat bersesuaian untuk kes berprofil tinggi seperti ini. Proses pembayaran tuntutan takaful seharusnya perlu cekap dan pantas seperti proses pembayaran tuntutan industri insurans, selagi sesuatu proses tersebut tidak bercanggah dengan prinsip syariah.
- (c) Kejadian MH370 merupakan satu situasi yang tidak diperuntukkan dalam sijil takaful kerana kejadian tersebut berlaku di luar jangkaan. Oleh itu, adalah wajar bagi pihak pengendali takaful untuk mengikuti amalan atau praktis dalam industri yang serupa, yakni industri insurans kerana dari segi pemprosesan praktikalnya adalah serupa walaupun kontrak yang digunakan berlainan.
- (d) Ketika menyertai kontrak takaful, peserta takaful bersetuju dengan pelantikan pengendali takaful untuk menguruskan keseluruhan pelan takafalnya dengan efektif dan lancar. Segala keputusan berkaitan pelan takaful, termasuk dana tabaruk peserta diletakkan di bawah kebijaksanaan budi bicara pengurusan pengendali takaful dengan dipantau oleh Jawatankuasa Syariah yang dilantik bagi memastikan operasi takaful sentiasa mematuhi lunas hukum syarak. Dengan mengambil kira segala faktor yang perlu, adalah tidak salah bagi para pengendali takaful untuk merujuk amalan terbaik dan proses praktikal industri insurans, selagi tidak bercanggah dengan prinsip syariah. Keputusan untuk membuat bayaran tuntutan bagi kes mafqud ini menggunakan dana tabaruk adalah sejajar dan bertepatan dengan mandat yang dipertanggungjawabkan ke atas pengendali takaful melalui kelulusan daripada Jawatankuasa Syariah pengendali takaful masing-masing.

- (e) Para pengendali takaful juga menyatakan kerisauan terhadap mangsa yang mengambil pelan takaful keluarga yang melibatkan pembayaran sumbangan berterusan (lazimnya pembayaran sumbangan dibuat secara bulanan). Hal ini demikian kerana jika sumbangan tidak diteruskan pembayarannya, sijil takaful tersebut dengan sendirinya akan luput sekiranya keputusan pembayaran tuntutan tidak dibuat dengan kadar segera. Apatah lagi jika tiada ahli keluarga mangsa yang sanggup meneruskan pembayaran sumbangan bulanan pelan takaful tersebut, maka niat murni peserta untuk menyertai pelan takaful untuk membantu keluarganya sekiranya peserta ditimpa kecelakaan tidak akan dapat dilaksanakan. Dengan berpegang kepada prinsip keadilan, para pengendali takaful berpendapat adalah tidak adil kepada ahli keluarga atau penama jika perlindungan takaful ditamatkan kerana keluputan sijil takaful akibat sumbangan yang tidak berbayar. Setelah meneliti keseluruhan fakta dan hujah yang berlandaskan prinsip *taawun* (tolong-menolong), ahli keluarga mangsa MH370 tidak patut diabaikan kerana status mangsa *mafqud* dari segi undang-undang syariah menghendaki warisnya menunggu selama empat (4) tahun untuk membentuk anggapan kematian *al-mafqud*.
- (f) Berdasarkan amalan industri insurans, para pengendali takaful boleh membayar manfaat takaful untuk kes seperti tragedi MH370 dengan memberikan pampasan *ex gratia*¹⁴ kepada waris berkenaan. Pembayaran *ex gratia* boleh dibuat berdasarkan faktor tertentu seperti faktor kemanusiaan, pertimbangan hubungan jangka panjang dengan pihak pelanggan dan sebagainya¹⁵. Dalam konteks amalan industri takaful, pembayaran *ex gratia* tidak dibuat menggunakan dana tabarak, sebaliknya dana para pemegang saham pengendali takaful akan membayar jumlah manfaat takaful yang terlibat. Namun begitu, pembayaran *ex gratia* dilihat tidak menyebelahi pengendali takaful kerana pengendali takaful terpaksa mengeluarkan sejumlah wang yang besar untuk membayar manfaat takaful, sedangkan itu

14 *Ex gratia* berasal daripada perkataan Latin yang secara literalnya bermaksud “dibuat sebagai sokongan”. Dalam konteks semasa, pembayaran *ex gratia* bermaksud pembayaran yang tidak perlu dibuat dalam tugas perundangan. Hal ini bermaksud pembayaran *ex gratia* bukanlah dibuat mengikut apa-apa peruntukan undang-undang tetapi dibuat berdasarkan budi bicara pihak yang membayar. Sila rujuk *Kamus Undang-Undang*, 1995. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd., hlm. 216.

15 Tobiaz Frenz, Younes Soualhi, 2010. *Takaful & Retakaful: Advanced Principles & Practices*. Kuala Lumpur: IBFIM, hlm. 256.

bukanlah tugas pengendali takaful yang hakiki. Pengendali takaful juga dilihat tidak mempunyai banyak pilihan untuk membayar manfaat takaful apabila industri insurans juga turut membayar manfaat insurans. Jika tidak, industri takaful akan dituduh sebagai tidak berperikemanusiaan kerana enggan membayar manfaat takaful atas sebab teknikal. Untuk mengelakkan pengendali takaful menanggung kesulitan yang tidak sepatutnya, Jawatankuasa Syariah yang terlibat membenarkan pengendali takaful untuk membayar tuntutan manfaat takaful untuk kes MH370 menggunakan dana tabaruk.

2. Pembayaran daripada Dana Pemegang Saham Pengendali

Takaful

Pendekatan para pengendali takaful untuk membayar wang pampasan daripada dana pemegang saham pengendali takaful adalah bagi kes perlindungan takaful yang berkaitan dengan kredit seperti yang berikut:

1. Takaful Bertempoh Gadai Janji Berkurangan (*Mortgage Reducing Term Takaful (MRTT)*) kerana terdapat pembiayaan rumah¹⁶.
2. Takaful Bertempoh Peribadi Berkurangan (*Personal Reducing Term Takaful (PRTT)*) kerana terdapat pembiayaan peribadi.

Seperti yang disebutkan sebelum ini, pembayaran tuntutan daripada dana pengendali takaful adalah berdasarkan dua (2) konsep, iaitu:

1. Asas Pinjaman (*Qard*).
2. Asas Pemberian (*Hibah*).

¹⁶ Apabila seseorang mengambil pembiayaan perumahan daripada perbankan Islam, lazimnya individu tersebut akan mengambil *MRTT* sebagai perlindungan jika ditakdirkan dia meninggal dunia sebelum sempat melangsaikan pembiayaan perumahan yang selalunya mempunyai tempoh pembiayaan yang panjang (20 ke 35 tahun). Dengan adanya *MRTT*, pengendali takaful akan membayar baki pembiayaan perumahan yang tidak sempat dilangsaikan oleh si mati dan ini dapat mengelakkan daripada rumah si mati dilelong oleh bank kerana kegagalan waris si mati untuk menyambung pembayaran pembiayaan perumahan. Konsep yang sama juga diguna pakai apabila seseorang membuat pembiayaan peribadi dan mengambil *PRTT* sebagai perlindungan untuk melangsaikan baki pembiayaan peribadinya.

Yang berikut merupakan penerangan konsep tersebut dan cara tuntutan manfaat dibayar kepada ahli keluarga mangsa atau penama:

1. Asas Pinjaman (*Qard*)

Qard bermaksud pinjaman, iaitu kontrak pinjaman antara dua pihak atas dasar kebajikan sosial atau untuk memenuhi keperluan kewangan jangka pendek peminjam. Jumlah bayaran semula mestilah sama dengan jumlah yang dipinjam.¹⁷

Pengendali takaful yang memilih konsep pinjaman sebagai kaedah pembayaran tuntutan akan membayar pembiayaan secara ansuran atau sekali gus kepada pihak pembiaya (bank) bagi melunaskan pembiayaan yang diambil oleh orang yang dilindungi (peserta takaful). Pinjaman yang dimaksudkan ialah pinjaman yang diberikan pengendali takaful daripada dana pemegang saham kepada dana tabarak. Berdasarkan asas pinjaman ini, bayaran yang didahulukan daripada dana pemegang saham pengendali takaful akan dibayar semula daripada dana tabarak, setelah pihak bertanggungjawab mengesahkan kematian *al-mafqud*, iaitu para penumpang dan anak kapal MH370.

2. Asas Pemberian (*Hibah*)

Hibah bermaksud pemberian. *Hibah* boleh dijelaskan sebagai pemberian atau hadiah oleh pemilik harta kepada seseorang secara rela hati semasa hayatnya tanpa mengharap balasan.¹⁸

Dalam kes MH370, sekiranya ditakdirkan penumpang pesawat tersebut disahkan masih hidup dan status kehilangan mereka ditarik balik, bayaran tuntutan yang dijelaskan atas dasar pinjaman sebelum ini akan bertukar status kepada dasar pemberian.

Walau bagaimanapun, isu *hibah* tidak lagi relevan dalam keadaan semasa kerana kesemua penumpang dan kru MH70 diisytiharkan terkorban oleh Kerajaan Malaysia.

17 Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM), 2010. *Buku Panduan Asas Takaful*. Kuala Lumpur: IBFIM, hlm. 233-34.

18 Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM), 2010. *Buku Panduan Asas Takaful*. Kuala Lumpur: IBFIM, hlm. 233.

Pembayaran Manfaat Takaful untuk Tragedi MH370

Sehingga Ogos 2014, keseluruhan pembayaran tuntutan manfaat takaful melibatkan 33 kes. Sebanyak 26 kes telah dibayar, dan tujuh (7) kes yang masih belum dibayar. Daripada 26 kes yang telah dibayar, 21 kes melibatkan tuntutan bagi produk Takaful Keluarga Berkelompok, manakala lima (5) kes selebihnya ialah produk Takaful Am Berkelompok.

Tujuh (7) kes yang dikenal pasti belum dibayar manfaatnya adalah disebabkan tuntutan belum dibuat oleh ahli keluarga mangsa, tiada tuntutan yang difailkan oleh ahli keluarga mangsa, dokumentasi tuntutan adalah tidak lengkap dan terdapat juga pembayaran tuntutan yang sedang diproses oleh pengendali takaful. Segala maklumat terperinci mengenai jumlah pembayaran manfaat takaful untuk tragedi MH370 boleh dirujuk kepada sekretariat MTA.

KESIMPULAN

Tragedi kehilangan pesawat Malaysia Airlines MH370 memberikan impak yang amat besar kepada negara. Walaupun hakikat ini pahit untuk ditelan, tetapi pengisytiharan kematian semua penumpang dan kru MH370 oleh Kerajaan Malaysia perlu diterima dengan hati yang reda. Walau apa-apa pun telahan orang ramai mengenai nasib sebenar pesawat malang itu, satu fakta yang tidak boleh dinafikan ialah betapa industri utama negara seperti industri penerbangan, pelancongan dan insurans terkena tempias yang hebat rentetan daripada tragedi ini. Industri takaful juga tidak terkecuali merasai impak tragedi tersebut. Dalam melaksanakan pembayaran tuntutan kepada ahli keluarga para *mafqud*, persoalan yang perlu dijawab dalam industri takaful ialah dana manakah yang akan digunakan untuk melangsaikan pembayaran manfaat takaful tersebut, sama ada dana tabaruk atau dana pengendali takaful. Makalah ini menjelaskan keputusan yang diambil oleh para pengendali takaful melalui persatuan induknya MTA dan ahli MTA yang bersetuju untuk membayar tuntutan manfaat takaful untuk tragedi MH370 dengan sedikit perbezaan pendapat dalam kalangan pengendali takaful dari segi penentuan sumber dana pembayaran tuntutan.

RUJUKAN

Department of Civil Aviation Malaysia “Announcement on MH370 by Director General”. www.dca.gov.my/MH370/Announcement%20of%20MH370.pdf. (Diakses pada 11 Mac 2015).

- <http://www.e-fatwa.gov.my/jawatankuasa-fatwa-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-ugama-islam-malaysia>. (Diakses pada 11 Disember 2014).
- Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM), 2010. *Buku Panduan Asas Takaful*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Kamus Undang-Undang*, 1995. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- “Kemungkinan Penumpang, Kru Pesawat Terselamat Tipis” dlm. *Berita Harian*, 30 Januari 2015.
- “Kerajaan Belum Muktamadkan Status MH370 - Majlis Fatwa Kebangsaan.” <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2014/11/19/status-mh370/>. (Diakses pada 20 November 2014).
- MH370: Syarikat Insurans Hayat Malaysia Pampasan Lebih RM14 Juta kepada Waris. <http://web10.bernama.com/mh370/index.php?lang=my&sid=newsdetail&id=1036852>. (Diakses pada 25 November 2014).
- Mohamed Hadi Abd. Hamid, “Anggapan Kematian *al-Mafqud* menurut Undang-undang Sivill dan Syariah: Satu Penilaian Semasa,” dlm. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia* 26:1, 2014.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2015. “Isu Khas: Penjelasan Hukum terhadap Mangsa MH370” dlm. *Bayan Linnes Ke-11* (Siri Khas). http://www.muftiwp.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=204. (Diakses pada 15 Mac 2015).
- Tobiaz Frenz dan Younes Soualhi, 2010. *Takaful & Retakaful: Advanced Principles & Practices*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- “Tragedi MH370.” <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/tragedi-mh370>. (Diakses pada 3 Jun 2014).
- “Tragedi Terowong al-Muassim.” <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/tragedi-terowong-al-muassim-arab-saudi>. (Diakses pada 3 Jun 2014).